

S.(S)(KT)015/7-6 Jld.III/(7)

7 November 2008

Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia
Aras 2 & 3, Blok D7, Parcel D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62677 PUTRAJAYA
(u.p.: **Encik Mohd Ridzuan bin Aziz**)

Tuan,

**PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI OPSYEN 89 ORANG PEGAWAI DI
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SABAH KE PERKHIDMATAN
GUNASAMA AM PERSEKUTUAN**

Dengan hormatnya surat tuan rujukan JKSM/500-14/1 Jld.4(55) bertarikh 8 September 2008 adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah **meluluskan** pertukaran pelantikan melalui opsyen 89 orang pegawai di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sabah ke Perkhidmatan Gunasama Am Persekutuan selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2002 berkuat kuasa mulai **3 November 2008**.

3. Bagi melaksanakan opsyen tersebut Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah membuat keputusan berikut:

- (i) mewakilkan kuasa kepada Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia untuk menawarkan opsyen kepada pegawai-pegawai yang terlibat;
- (ii) tempoh opsyen adalah selama **30 hari** dari tarikh surat tawaran dikeluarkan;
- (iii) tarikh kuat kuasa opsyen ialah pada **3 November 2008**; dan
- (iv) gaji yang ditawarkan adalah seperti ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2002.

4. Selaras dengan keputusan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ini, Ketua Jabatan hendaklah menawarkan opsyen, syarat-syarat opsyen dan borang opsyen seperti yang ada dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2002 kepada semua pegawai berkenaan. Bagi urusan pengesahan dalam perkhidmatan, Ketua Jabatan hendaklah menghantar perakuan ke Urus Setia Suruhanjaya pada bila-bila masa dalam tempoh **enam (6) bulan** daripada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(CHAN HONG JIN)
Bahagian Perkhidmatan
b.p. Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Malaysia.

s.k.:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Perkhidmatan
Cawangan Dasar
Aras 6, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p.: Encik Khairul Amir bin Nawawi)